

Buruh kasar kena penjara 11 bulan kerana tumbuk, gigit isteri yang dituduh curang

KUCHING: Padah menumbuk muka dan menggigit tangan isterinya selepas menuduh wanita itu mempunyai hubungan sulit dengan rakan bapanya, seorang buruh kasar dipenjara 11 bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Hukuman itu dijatuhkan Pembantu Pendaftar Kanan Mahkamah Syazwani Sajeli terhadap Albert Keling Franky, 23, yang mengaku bersalah mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 326A Kanun Sama.

Mahkamah memerintahkan hukuman penjara dikuat kuasakan mulai semalam.

Mengikut pertuduhan, tertuduh dengan sengaja mencederakan isterinya yang berusia 21 tahun dalam satu kejadian pada 20 September lalu, sekitar jam 1.30 petang di sebuah rumah sewa di Kampung Kudei Lama, di sini.

Fakta kes mendedahkan berlaku pertengkaran antara pasangan tersebut selepas

tertuduh menuduh isterinya mempunyai hubungan sulit dengan rakan bapanya.

Ketika kejadian, tertuduh tidak berpuas hati kerana mangsa melawan cakapnya dan ini membuatkan tertuduh menumbuk muka serta menggigit tangan kiri mangsa.

Akibat kejadian itu, mangsa mengalami kesakitan pada muka dan tangan kirinya.

Laporan polis dibuat dan tertuduh ditangkap pada hari sama sekitar jam 3.10 petang.

Hasil siasatan mendapati tertuduh merupakan individu yang panas baran dan bertindak agresif semasa pergaduhan tersebut.

Laporan perubatan juga mengesahkan pengadu mengalami kecederaan iaitu luka di bahagian muka dan kesan gigitan di pergelangan tangan kiri.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Abdurrahman Abrar Jarni sementara tertuduh tidak diwakili peguam.



KE PENJARA: Tertuduh (tengah) diiringi polis selepas dijatuhkan hukuman, semalam.